

Kereta terbabas gagal lari daripada AADK

SINAR HARIAN • JUMAAT 8 DISEMBER 2017

Kereta terbabas gagal lari daripada AADK

KUANTAN - Tindakan berani seorang lelaki mahu meloloskan diri dengan memecut bagi mengelak ditahan hanyalah perbuatan sia-sia, apabila berjaya ditahan anggota Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di Jaya Gading, petang, semalam.

Lelaki berusia 37 tahun itu ditangkap selepas kenderaan yang dipandunya terbabas di dalam semak berdekatan, sebaik sahaja dia nekad untuk memecut kenderaannya dengan cuba melanggar beberapa pegawai AADK yang cuba menahannya.

Ketua Pegawai AADK Daerah, Nor Haffiza Ibrahim berkata, lelaki terbabit adalah penghidap HIV dan sudah 20 tahun menagih dadah, hasil siasatan lanjut yang dijalankan terhadapnya.

"Kita turut lakukan saringan air kencing terhadapnya dan kita dapati dia positif opiat. Lelaki ini akan disiasat di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagihan Dadah (APD) (R&P) 1983," katanya.

Ops Cegah AADK Kuantan dijalankan di beberapa lokasi di sekitar Jaya Gading, Sungai Isap, Bukit Setongkol dan Beserah diketuai anggota AADK Ahmad Syakir Mohamed bermula pada 8 pagi sehingga



Kenderaan yang dipandu lelaki berusia 37 tahun terbabas selepas cuba melarikan diri.

11 malam, semalam.

Menurutnya, selain lelaki itu, 20 individu ditahan termasuk dua wanita dalam operasi yang diadakan itu.

Jelasnya, kesemua yang ditahan telah didapati positif dadah jenis morfin dan *methamphetamine* serta dibawa ke pejabat AADK untuk tindakan selanjutnya.

Dalam pada itu, Norhaffiza meminta agar orang ramai membantu pihaknya dan polis dengan menyalurkan maklumat berkaitan penyalahgunaan dadah di kawasan mereka.

Jelasnya, kerjasama semua pihak perlu dalam usaha memerangi dadah habis-habisan di kawasan mereka.

"Pihak AADK sedaya upaya mahu semua masyarakat bebas daripada masalah tersebut," katanya.

